

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 30 OKTOBER 2013 (RABU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Malaysian Standard ke persada antarabangsa	Sinar Harian
2	BiotechCorp majukan tanah terbiar	Kosmo
3	Peluang petani tambah pendapatan bulanan	Berita Harian
4	Bioekonomi jadi penentu	Harian Metro
5	100,000 hektar tanah untuk lading kontrak	Sinar Harian
6	Bandwidth upgrade for Internet Exchange	The Malay Mail
7	Coklat sawit ciptaan pelajar USM raih pingat emas	Utusan Malaysia
8	Inovasi serbuk rebung USIM hebat	Utusan Malaysia
9	Inovasi serbuk rebung diiktiraf dunia	Berita Harian
10	Pengorbanan empat anak muda berbaloi	Berita Harian
11	USM, USIM rangkul emas di London	Kosmo

Malaysian Standard ke persada antarabangsa

PUCHONG - Standards Malaysia sudah membangunkan lebih 6,400 Malaysian Standard merangkumi 24 sektor ekonomi termasuk sektor halal, makanan, peralatan elektrik, pertanian, kepentingan pengguna dan produk plastik.

Dalam pembangunan kesemua Malaysian Standard itu, lebih 3,300 pakar dari agensi kerajaan, pihak industri, universiti, persatuan perdagangan, organisasi profesional dan persatuan pengguna bekerjasama berkongsi pengetahuan dalam sektor masing-masing.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata, Standards Malaysia agensi di bawah kementeriannya menjalin kerjasama dengan beberapa rakan strategik yang mempunyai kepakaran dalam bidang tertentu melalui program rakan pintar.

Jalinan bersama Institut Jurutera untuk bidang pembinaan, Universiti Islam Malaysia untuk reka bentuk

sejagat atau universal dan Institut Kimia Malaysia untuk metrologi kimia dan keupayaan pengesanan.

"Melalui standard, pengguna dijamin memperoleh barang dan perkhidmatan berkualiti, selamat dan dipercayai. Standard bukan menyusahkan tetapi memberi jaminan produk ikut piawai ditetapkan," katanya dalam satu program di Bandar Kinrara.

Kerjasama turut dijalin bersama pelbagai pihak untuk latihan penghasilan produk halal serta Persatuan Pengguna Standard Malaysia untuk bidang berkaitan pengguna.

Katanya, usaha Standards Malaysia itu membolehkan produk dan perkhidmatan Malaysia diterima di persada antarabangsa sekali gus meningkatkan perdagangan serta akses di pasaran itu.

Abu Bakar berkata, standard juga penting bagi memastikan barangan dan perkhidmatan dihasilkan sebanding negara maju dari segi kualiti dan prestasi.

BiotechCorp majukan tanah terbiar

KUALA LUMPUR - Malaysian Biotechnology Corporation (BiotechCorp) berhasrat membangunkan tanah terbiar di negara ini untuk melaksanakan pertanian kontrak menerusi Program Pembangunan Komuniti Bioekonomi.

Program tersebut bertujuan meningkatkan sosioekonomi dan pendapatan golongan petani dengan kerjasama kerajaan negeri dan semua pihak lain yang terlibat.

Ketua Pegawai Eksekutif BiotechCorp, Datuk Dr. Mohd. Nazlee Kamal berkata, pihaknya akan bekerjasama dengan Kementerian berkaitan, kerajaan negeri, koridor ekonomi dan agensi kerajaan untuk memban-



NAZLEE



tu membangunkan lebih 100,000 hektar tanah terbiar di negara ini.

"Produk yang dikeluarkan daripada tanah terbiar ini akan diproses menjadi produk bernilai tinggi oleh syarikat-syarikat berstatus BioNexus," katanya dalam satu kenyataan berhu-

bung sesi penerangan kepada semua menteri besar dan ketua menteri yang diadakan di Putrajaya semalam.

Mohd. Nazlee menerangkan, koperasi dan syarikat pertanian dipelawa untuk mengikat kontrak dengan syarikat berstatus BioNexus bagi menjayakan program itu.

"BiotechCorp pula akan membangunkan model perniagaan baharu yang dapat memberikan keuntungan kepada pihak terlibat.

"Petani juga akan mendapat keuntungan daripada program ini apabila mereka menanam tanaman yang dijamin akan dibeli balik oleh syarikat BioNexus,"

ujar beliau.

Jelasnya, program tersebut dijangka memberi keuntungan kepada lebih 3,500 petani dengan pendapatan bulanan sehingga RM4,500 seorang.

Bagi industri pula, ia mendapat manfaat daripada pengeluaran yang stabil dan bahan mentah bernilai tinggi.

"Program ini merupakan teras utama dalam Program Pemacu Bioekonomi Malaysia atau Bio-Accelerators yang membolehkan peserta mengeluarkan produk bernilai tinggi menerusi teknologi baharu dan inovasi daripada syarikat BioNexus.

"Pada masa yang sama, ia juga akan memperkukuh kemahiran keusahawanan menerusi peng-

komersialan untuk pasaran domestik dan antarabangsa," jelasnya.

Ujarnya, fokus program ini juga bertujuan untuk meningkatkan kesan berganda kepada ekonomi dan impak positif terhadap pendapatan dan kebajikan rakyat.

"Ia akan menawarkan 160,000 peluang pekerjaan baharu serta membawa masuk pelaburan baharu bernilai RM15 billion.

"Kami yakin kerjasama yang dijalinkan dengan semua pihak akan dapat membantu meningkatkan pendapatan petani malah membawa negara mencapai sasaran negara berpendapatan tinggi menjelang 2020," tambah beliau.

Peluang petani tambah pendapatan bulanan

» Raih sehingga RM4,500 projek bekal bahan mentah industri bioteknologi

Oleh Che Wan Badrul Alias
chewan@bh.com.my

Program Pembangunan Komuniti Bioekonomi yang diumumkan dalam Bajet 2014 akan menawarkan peluang kepada sekurang-kurangnya 3,500 petani di seluruh negara untuk meraih pendapatan sehingga RM4,500 sebulan dengan membekalkan bahan mentah pertanian kepada industri bioteknologi.

Di bawah program itu, Malaysian Biotechnology Corporation (BiotechCorp) yang dipertanggungjawabkan sebagai penyelarasnya, akan bekerjasama dengan kementerian berkaitan, kerajaan negeri, pihak berkuasa koridor ekonomi dan agensi kerajaan untuk mengenal pasti dan memajukan lebih 100,000 hektar tanah terbiar seluruh negara.

Ketua Eksekutif BiotechCorp, Datuk Dr Mohd Nazlee Kamal, berkata program itu bertujuan mencetuskan impak berantai dalam industri khususnya kepada petani yang akan memperoleh manfaat besar kerana hasil pertanian yang diusahakan dijamin akan dibeli oleh syarikat BioNexus dan memberikan pulangan lumayan.

Katanya, industri pula akan memperoleh manfaat dengan bekalan bahan mentah bio-



“Selain dana, banyak lagi bantuan yang akan diberikan seperti **pembangunan kemahiran dan latihan kepada koperasi, pencegahan penyakit tanaman, kajian untuk menentukan tanaman terbaik dan kesesuaian tanah di kawasan berkenaan.**

Dr Mohd Nazlee Kamal,
Ketua Eksekutif BiotechCorp

teknologi yang stabil dari dalam negara dan berkualiti yang akan diproses kepada produk bernilai tinggi dalam industri bioteknologi.

“Sekumpulan petani yang memiliki tanah terbiar akan diminta bergabung dan menubuhkan koperasi sebelum mendapatkan kontrak penanaman daripada syarikat BioNexus.

Kawal harga jualan

“Menerusi cara ini mereka memiliki kapasiti pengeluaran yang besar, latihan, berupaya menjaga kebajikan ahli, merendahkan kos operasi sewaan alat dan keupayaan mengawal harga jualan atau belian daripada ditindas pihak pembeli.

“Apabila koperasi memeterai kontrak dengan syarikat BioNexus, BiotechCorp akan

membangunkan model perniagaan baru untuk memastikan kedua-dua pihak memperoleh keuntungan dalam rangkaian bekalan ini,” katanya kepada BH di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau sebelum itu membentangkan Program Pembangunan Komuniti Bioekonomi ketika mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri di Perdana Putra, Putrajaya.

Mengulas lanjut, Dr Mohd Nazlee berkata, menyedari kekangan dana bagi koperasi dan syarikat BioNexus melaksanakan program itu, kerajaan sedang menimbang menyediakan bantuan dana untuk digunakan dalam penerokaan tanah terbiar itu.

Beliau berkata, pihaknya sedang berunding dengan Kementerian Kewangan bagi menyediakan dana di bawah

Program Pembangunan Komuniti Bioekonomi itu yang dijangka akan diumumkan dalam tempoh beberapa minggu lagi.

Teroka pasaran baru

“Selain dana, banyak lagi bantuan yang akan diberikan seperti pembangunan kemahiran dan latihan kepada koperasi, pencegahan penyakit tanaman, kajian untuk menentukan tanaman terbaik dan kesesuaian tanah di kawasan berkenaan.

“Kami juga akan membantu syarikat BioNexus meneroka pasaran baru dalam dan luar negara selain menggalakkan penghasilan produk baru dengan kerjasama syarikat besar menerusi insentif pengecualian cukai sepenuhnya bagi pengambilalihan teknologi baru bioteknologi,” katanya.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (BISNES) : MUKA SURAT 60
TARIKH: 30 OKTOBER 2013 (RABU)

Bioekonomi jadi penentu

Kuala Lumpur: Program Pembangunan Komuniti Bioekonomi akan menjadi agenda utama memajukan kedudukan sosioekonomi negara ke peringkat lebih berdaya saing.

Pengerusi Perbadanan Bioteknologi Malaysia (BiotechCorp), Prof Emeritus Datuk Seri Dr Zakri Abdul Hamid berkata, perkara berkenaan akan dicapai pihaknya selari dengan pengumuman dalam Belanjawan 2014.

Katanya bioekonomi akan menjadi penentu bagi Malaysia untuk menjadi negara maju berpendapatan tinggi.

"BiotechCorp bakal bekerjasama dengan kementerian, kerajaan negeri, koridor ekonomi serta agensi berkaitan untuk melaksanakan Program Accelerator Bioekonomi Malaysia atau 'Bio-Acce-

lerators'. Pada masa sama, kami sentiasa komited dalam memastikan kehendak industri seiring dengan keperluan rakyat melalui inisiatif ini," katanya dalam kenyataan di sini.

Program Pembangunan Komuniti Bioekonomi adalah teras utama Bio-Accelerators yang akan disokong tiga program pemecutan iaitu program pembangunan teknologi dan inovasi bioekonomi, biokeusahawanan dan memperkasakan syarikat berstatus BioNexus bagi menembusi pasaran antarabangsa.

Menurutnya, sektor bioekonomi dijangka memacu Pendapatan Negara Kasar (GNI) dari kadar semasa dua hingga tiga peratus kepada lapan hingga 10 peratus menjelang 2020, selain menjana RM43 bilion GNI bersama 160,000 peluang kerja dan menarik RM15 bilion nilai pelaburan.

**KERATAN AKHBAR TEMPATAN
SINAR HARIAN (BISNES) : MUKA SURAT 58
TARIKH: 30 OKTOBER 2013 (RABU)**

100,000 hektar tanah untuk ladang kontrak

PROGRAM Pembangunan Komuniti Bioekonomi akan memajukan lebih 100,000 hektar tanah untuk perladangan kontrak bagi menyediakan aliran baru pendapatan kepada pekebun.

Ketua Pegawai Eksekutif Malaysian Biotechnology Corporation, Datuk Mohd Nazlee Kamal berkata, agensi itu akan be-

kerjasama dengan kementerian, kerajaan negeri, koridor ekonomi dan agensi kerajaan untuk memajukan tanah itu.

"Produk dihasilkan di kawasan ini akan jadi sumber bagi pemprosesan produk bernilai tinggi oleh syarikat berstatus BioNexus," katanya.

BioNexus adalah pengiktirafan kepada

syarikat Malaysia dan antarabangsa yang cemerlang dalam bioteknologi dan sains.

Menurutnya, program itu memberi faedah kepada lebih 3,500 pekebun setiap tahun yang berpeluang meraih pendapatan bulanan sehingga RM4,500 dan industri pula akan mendapat bekalan stabil dan bahan mentah bernilai tinggi. - Bernama

Bandwidth upgrade for Internet Exchange

UP to RM3.7 million will be invested by Malaysian Internet Exchange (MyIX) to increase the bandwidth capacity of its central nodes interconnection to 40 gigabits per second (Gbps) from 10 Gbps.

The main driver for the upgrading exercise is to cope with the anticipated growth of the country's internet consumption over the next two years, MyIX chairman Chiew Kok Hin said in a statement yesterday.

"When we started in 2006, Internet traffic consumption in Malaysia was only at 288 megabits per second (Mbps) and a 10,000 Mbps capacity for the central node interconnection was more than sufficient."

The country's Internet traffic consumption had grown to a staggering figure of 26 Gbps in combined traffic as at June 2013, resulting in an 80% capacity utilisation per leg of MyIX's existing central node infrastructure.

In 2012 alone, MyIX recorded that local Internet traffic had increased by approximately 50% with 149,889 Mbps recorded in the first half of 2013, as compared to 98,527 Mbps in the same period in 2012.

Chiew attributed the exponential growth to more social networking and smart phone usage, the digitisation of Malaysian TV with the IPTV trend, video-on-demand and online

gaming through Internet network connections to these users.

He said the Internet penetration level would continue to escalate in the next few years as smartphones bundled with attractive communication packages become more affordable for the average Malaysian. "In fact, the first experience for many young Malaysian users of the Internet is via these mobile devices."

MyIX's latest infrastructure consists of eight Internet Exchange nodes including in Bayan Baru, Johor Baharu, Kuantan, Kuching and Kota Kinabalu, as well as the original MyIX nodes in the Klang Valley at Menara Aik Hua (AIMS), Technology Park Malaysia (Jaring), and CSF 1 (Telekom Malaysia, Cyberjaya).

MyIX is a nonprofit organisation initiated by the Malaysian Communications and Multimedia Commission in September 2006 through the cooperation of local Internet service providers (ISPs) to connect and exchange local Internet traffic.

It is managed by a committee comprising elected representatives of local Malaysian ISPs. MyIX is modelled after the Amsterdam Internet Exchange and London Internet Exchange, and aspires towards world-class Internet Exchange standards.

— Bernama

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 13
TARIKH : 30 OKTOBER 2013 (RABU)

Coklat sawit ciptaan pelajar USM raih pingat emas

PULAU PINANG 29 Okt. - Percubaan menginovasikan bahan cecair yang terdapat dalam batang kelapa sawit membawa tuah kepada penuntut tahun akhir Universiti Sains Malaysia (USM) selepas berjaya meraih pingat emas dalam Pertunjukan Rekaan British (British Invention Show) yang berakhir Sabtu lalu.

Siapa sangka bahan cecair yang terkandung dalam batang tanaman komoditi utama negara yang selama ini hanya dibuang mampu menghasilkan sirap perisa yang boleh digunakan dalam penghasilan coklat, gula-gula, kek dan biskut.

Pelajar berkenaan, Syuhairah Ahmad, 23, berkata, idea menghasilkan sirap perisa berkenaan datang daripada kajian yang dilakukan terhadap batang kelapa sawit terbuang.

Katanya, setiap tahun sebanyak 8.8 juta tan batang kelapa sawit dibuang industri perladangan negara sedangkan bahan berkenaan mempunyai serat yang boleh menajana pendapatan.

"Kita tahu kelapa sawit ini boleh menghasilkan sesuatu yang bernilai selain daripada minyak sawit dan kajian mendapati batang kelapa sawit mempunyai 70 hingga 80 pe-



SYUHAIRAH Ahmad (kanan), Ng Poh Sing (dua dari kanan), Meor Muhammad (tiga dari kanan) dan Muhammad Razif menunjukkan anugerah yang mereka menangi di Pulau Pinang, semalam.

ratus kandungan cecair.

"Cecair berkenaan pula mengandungi glukosa, suktosa dan fruktosa

yang tinggi dan boleh dijadikan sebagai bahan pemanis serta perasa dalam produk makanan," katanya

ketika ditemui pemberita selepas sidang akhbar di universiti itu sini hari ini.

Tahun ini USM menghantar empat penuntutnya ke pertunjukan rekaan berkenaan dengan memper-taruhkan tiga produk projek tahun akhir mereka.

Menurut mahasiswa Pusat Pengajian Teknologi Industri itu, sirap yang dihasilkan daripada cecair batang kelapa sawit mengandungi khasiat lain seperti vitamin C dan B.

"Penemuan ini suatu yang membanggakan kerana mampu memacu industri perladangan dalam mem-pelbagaikan hasil keluaran produk berteraskan kelapa sawit.

"Malah, peloporan bahan makanan daripada tanaman kelapa sawit juga masih belum dikomersialkan sedangkan mempunyai potensi yang tinggi dalam mengembangkan ekonomi negara," ujarnya.

Sementara itu, Pemangku Naib Canselor USM, Prof. Datuk Dr. See Ching Mey berkata, USM amat bangga dengan pencapaian penuntut berkenaan yang berjaya mengharumkan nama USM dan Malaysia di persada antarabangsa.

Katanya, bagi tahun ini USM juga

berjaya mengekalkan 100 peratus kemenangan dalam penyertaan di pertunjukan yang diadakan di London itu.

"Kita telah menghantar pelajar ke pertunjukan berkenaan sejak 2009 dan berjaya meraih pingat emas bagi setiap projek pelajar yang dipamerkan.

"Kejayaan ini amat membanggakan kerana kita berjaya melahirkan pelajar yang mampu menghasilkan produk yang bertaraf antarabangsa yang sememangnya digalakkan oleh pihak universiti," jelasnya.

Selain Syuhairah, mahasiswa Pusat Pengajian Kejuruteraan Kimia, Meor Muhammad Hafiz Shah Budin dan Muhammad Razif Abd. Razak turut berjaya meraih pingat emas dan anugerah berlian dalam pertunjukan rekaan melalui produk penapisan dan pembersihan air melalui penggunaan benih pokok buah merungai.

Seorang lagi penuntut, Ng Poh Sing daripada Pusat Pengajian Sains Komputer berjaya membawa pulang pingat emas melalui produk sistem keselamatan kereta yang dihasilkan.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 13
TARIKH : 30 OKTOBER 2013 (RABU)

Raih anugerah emas Penciptaan Antarabangsa Tahun Ini di London

Inovasi serbuk rebung USIM hebat

Oleh NAZARUDIN SHAHARI
pengarang@utusan.com.my

SEREMBAN 29 Okt. - Berbekalkan serbuk rebung, sekumpulan enam pelajar aliran agama yang kini menuntut di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai dekat sini mengharumkan nama negara apabila berjaya meraih anugerah emas Penciptaan Antarabangsa Tahun 2013 di *The British Invention Show (BIS)* di London minggu lalu.

Para pelajar tahun empat jurusan Bioteknologi Makanan, Fakulti Sains dan Teknologi itu juga meraih anugerah khas emas berganda dalam kalangan 10 penerima emas pada pertandingan yang diadakan di Barbican Centre, London mulai Rabu hingga Sabtu lalu.

Lebih membanggakan, para pelajar berkenaan membuat pencapaian cemerlang itu pada penampilan kali pertama pertandingan yang disertai oleh lebih 100 peserta kebanyakannya dari Eropah.

Enam pelajar itu ialah Zulfawwaz



MUSTAFA Mohd. Hanefah (tengah) bergambar kenangan bersama (dari kiri) Mohammad Saifullah, Mohamad Wafi, Mohamed Sabri, Zulfawwaz Mohamad, Mohamad Syafiq, dan Mohd. Akmal yang berjaya meraih anugerah emas di BIS di Seremban, semalam.

Mohamad (ketua), Mohamad Wafi Shamsudin, Mohamad Syafiq Saifudin, Mohd. Akmal Zakaria, Mohammad Saifullah Mohd. Yusof dan Mohamed Sabri Esa.

BIS dianggap berprestij kerana

menjadi platform membangunkan peluang perniagaan baharu dengan membawa inovasi dan syarikat, pelabur dan pencipta, pereka dan pengeluar di samping perkhidmatan yang berkaitan.

Zulfawwaz berkata, pasukannya menentengahkan produk dikenali sebagai Bambusia Powder yang merupakan bahan campuran dalam formulasi menghasilkan makanan.

Beliau berkata, antara makanan

menggunakan Bambusia yang dihasilkan oleh pasukan itu ialah roti, pasta, biskut dan *pancake*.

Katanya, rebung dipilih kerana kaya dengan mineral seperti fosforus, kalsium dan zink serta fiber manakala Bambusia terdiri daripada 70 peratus mineral dan 30 peratus fiber.

"Serbuk itu dihasilkan sepenuhnya daripada rebung sekali gus menjadikannya bertaraf organik kerana tidak menggunakan bahan pengawet dan mampu bertahan sehingga dua tahun berbanding rebung yang lazimnya dijeruk oleh masyarakat di negara ini.

"Bambusia senang digunakan dan boleh digunakan dalam banyak jenis penghasilan makanan," katanya dalam sidang akhbar di USIM di sini hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Mustafa Mohd. Hanefah.

Sementara itu, Mustafa berkata, kejayaan kumpulan itu sebagai bukti transformasi pelajar universiti berkenaan dalam bidang sains dan teknologi terutamanya mereka yang datang daripada aliran agama.

"Kejayaan ini membuktikan kita mampu berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan para pencipta lain di dunia," ujarnya.

Inovasi serbuk rebung diiktiraf dunia

» 'Bambusia Powder' ciptaan enam pelajar USIM dapat pengiktirafan

Oleh Ifwan Tun Tuah
ifwan@bh.com.my

Bandar Baru Nilai

Pasta serbuk rebung yang bermula sebagai projek kelas, membawa tuah kepada sekumpulan pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) apabila produk itu mendapat pengiktirafan antarabangsa.

Kumpulan enam pelajar itu yang mempertaruhkan produk serbuk rebung diberi nama 'Bambusia Powder' memenangi Pingat Emas dan Pingat Emas Berganda serta menerima Anugerah Ciptaan Antarabangsa Sepanjang Tahun pada Pertunjukan Ciptaan Britain (BIS) di Pusat Pameran Barbican, London, berakhir Sabtu lalu.

Ketua kumpulan, Zulfawwaz Mohamad, 22, berkata kemenangan itu juga pengiktirafan kepada pelajar Malaysia yang berlatar belakang pengajian Islam.

"Hampir semua peserta BIS adalah ahli akademik berkelulusan tinggi, ahli sains dan golongan profesional dari syarikat ternama, sedangkan kami hanya pelajar Tahun Empat Kursus



Dari kiri, Zulfawwaz, Mohamad Wafi dan Mohamad Syafiq bersama produk dan pingat emas yang dimenangi pada Pertunjukan Ciptaan Britain di London.
(FOTO HAZREEN MOHAMAD/BH)

Bioteknologi Makanan Fakulti Sains dan Teknologi USIM.

Produk berdaya saing

"Ia tidak melemahkan semangat kerana kami yakin terhadap keistimewaan produk ini yang boleh digunakan dalam banyak produk makanan termasuk pasta, roti dan kek," katanya di USIM, semalam.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) USIM, Prof Dr Mustafa Mohd Hanefah dan lima lagi ahli kumpulan pelajar berkenaan iaitu Mohamad Wafi Shamsudin, Mo-



Produk Bambusia Powder menggunakan rebung yang dicipta pelajar USIM.

hamad Syafiq Saifudin, Mohd Akmal Zakaria, Muhammad Saifulah Mohd Yusof dan Mohamed Sabri Esa,

Zulfawwaz berkata, hanya dia bersama Wafi dan Syafiq pergi ke London, manakala tiga rakan lain membawa produk itu menyertai Ekspo Inovasi Islam di Stadium Tertutup Nilai di sini, pada tarikh sama dan berjaya memenangi Pingat Emas.

Pelbagai kegunaan, berzat

Beliau berkata, serbuk rebung itu dicipta dalam bentuk pasta ketika projek kelas bagi subjek Pembangunan Makanan bermatlamat mempelbagaikan kegunaan rebung yang semakin dilupakan generasi sekarang.

Katanya, pasta menjadi pilihan kerana makanan itu hampir tidak mempunyai sebarang zat mineral kecuali garam sedangkan rebung mempunyai kandungan potasium, kalsium, zink, magnesium, selenium dan kandungan fiber tinggi.

"Kami membuat keputusan hanya membawa ekstrak serbuk rebung menyertai BIS kerana mampu dijadikan bahan penambah perisa atau khasiat dalam apa saja produk makanan. Kami turut menemui cara menghilangkan atau mengekalkan bau rebung," katanya.

Zulfawwaz berkata, maklum balas pengunjung serta juri BIS terhadap produk itu mengejutkan kerana dianggap satu inovasi terhadap makanan eksotik dan mempunyai prospek tinggi untuk dikomersialkan di Eropah.

Pengorbanan empat anak muda berbaloi

Georgetown: Keinginan empat anak muda menghasilkan inovasi baru akhirnya diiktiraf Pertubuhan Perekacipta Britain apabila ciptaan mereka menggondol empat anugerah antarabangsa di London, United Kingdom.

Empat pelajar Universiti Sains Malaysia (USM) iaitu Syuhairah Ahmad, Meor Muhammad Hafif Shah Budin, Muhammad Razif Abd Razak dan Ng Poh Sing, berjaya menemui kaedah mengurai bahan secara semula jadi dikenali Moringa Oleifera Seeds (MOS), menghasilkan gula-gula daripada kelapa sawit dan mencipta sistem penggera keselamatan kenderaan dikenali sebagai The Eyes.

Kejayaan mereka dalam pameran inovasi antarabangsa di London pada 23 hingga 26 Oktober lalu secara tidak langsung membuktikan sistem pendidikan negara berada pada landasan betul, selain menaikkan status Malaysia

sebagai negara berinovasi.

Dapat perhatian ramai

Meor Muhammad, 23, dan rakan sebayanya, Muhammad Razif berjaya menghasilkan MOS dan penemuan itu adalah teknologi baru paling mendapat perhatian sepanjang tempoh pameran berlangsung.

MOS yang dihasilkan pelajar Pusat Pengajian Kejuruteraan Kimia USM itu juga dikelaskan antara penemuan teknologi penting dekad ini apabila meraih pingat emas dan Anugerah Berlian pada pameran itu.

Syuhairah, 23, yang menghasilkan sirap daripada kelapa sawit pula berkata, beliau mendapat idea itu ketika membuat kajian terhadap serat pada batang kelapa sawit yang terbuang.

"Hasil kajian mendapati 8.8 juta tan batang kelapa sawit dibuang setiap tahun oleh industri



Dari kiri, Muhammad Razif, Meor Muhammad, Poh Sing dan Syuhairah bersama produk dan pingat emas yang dimenangi pada pameran inovasi antarabangsa di London.

(FOTO RAMDAN MASIAM/BH)

perladangan negara sedangkan ia mempunyai serat yang boleh diproses dan digunakan.

Batang sawit bernilai

"Batang sawit juga sangat bernilai kerana ia mengandungi 70 hingga 80 peratus cecair mengandungi glukosa, sukrosa dan fruk-

tosa yang boleh dijadikan bahan pemanis produk makanan seperti kek biskut dan gula-gula," katanya.

Poh Sing, 24, dari Pusat Pengajian Sains Komputer USM menghasilkan sistem penggera keselamatan kenderaan unik dengan satu daripada ciri sistem itu

ialah pemilik dapat mengesan wajah penjenayah terbabit.

Sementara itu, pemangku Naib Canselor USM, Prof Datuk Dr See Ching Mey, berkata penemuan teknologi baru oleh empat pelajar itu dibuat melalui tiga projek khas yang diselia Abdul Latif Ahmad.

KERATAN AKHBAR TEMPATAN
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 14
TARIKH: 30 OKTOBER 2013 (RABU)

USM, USIM rangkul emas di London



PELAJAR USM (dari kiri), Muhammad Razif, Meor Muhammad Hafiz, Poh Siang dan Syuhairah menunjukkan pingat emas yang dimenangi di kampus USM, Pulau Pinang semalam.

Oleh ZAKI SALLEH
dan AINAA MARDHIAH MOHD. GHAZALI
berita@kosmo.com.my

GEORGE TOWN - Hasil penyelidikan empat pelajar Universiti Sains Malaysia (USM) menerima pengiktirafan antarabangsa apabila menggondol anugerah pada Pertunjukan Rekaan British di London baru-baru ini.

Kajian penyelesaian semula jadi mesra alam moringa oleifera seeds (MOS) oleh Meor Muhammad Hafiz Shah Budin dan Muhammad Razif Abd. Razak menggondol kemenangan berganda apabila menerima Anugerah Berlian dan Pingat Emas.

Penyelidikan menggunakan tumbuhan moringa oleifera atau nama tempatannya buah merungai berjaya menjimatkan kos operasi rawatan air bersih.

Dua penyelidikan lain iaitu sirap kelapa sawit dalam pengeluaran gula-gula oleh Syuhairah Ahmad dan sistem keselamatan kereta Eyes (Ng Poh Siang) meraih Pingat Emas serta pujian juri daripada Persatuan Reka Cipta British.

Sistem Eyes yang merangkumi kamera bersaiz mikro diintegrasikan bersama sistem perkhidmatan Cloud Google dan dipasang di bahagian papan pemuka hadapan kenderaan.

Kelebihan sistem itu ialah berkemampuan mengesan kedudukan kenderaan yang dicuri termasuk merakam gambar pemandu.

Kesemua ahli pasukan itu dibimbing Dekan Pusat Kejuruteraan Sains Kimia USM, Profesor Latif Ahmad dan pensyarah, Mo-



MUSTAFA (tengah), bersama pelajar USIM (dari kiri), Mohammad Saifullah, Mohamad Wafi, Mohamed Sabri, Zulfawwaz, Mohamad Syafiq, dan Mohd. Akmal menunjukkan anugerah yang dimenangi di Nilai, Negeri Sembilan semalam.



hd. Azam Osman.

Ketika ditemui pada sidang akhbar di sini semalam, Latif memberitahu, kejayaan pelajar USM itu amat membanggakan kerana telah menewaskan penyelidik dari beberapa agensi sains negara ini yang turut menyertai pertandingan tersebut.

Di Nilai, Negeri Sembilan, sekumpulan enam pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) turut berjaya meraih anugerah emas Penciptaan Antarabangsa Tahun Ini di pertunjukan yang sama di London melalui inovasi tepung berasaskan rebung.

Pelajar tahun empat jurusan Bioteknologi Makanan, Fakulti Sains dan Teknologi itu turut meraih anugerah khas emas berganda dalam kalangan 10 penerima emas pada pertandingan itu.

Lebih membanggakan, mereka yang merupakan lulusan sekolah agama membuat pencapaian cemerlang itu pada penampilan kali pertama pertandingan yang disertai lebih 100 peserta.

Pasukan itu yang diketuai Zulfawwaz Mohamad turut disertai Mohamad Wafi Shamsudin, Mohamad Syafiq Saifudin, Mohd. Akmal Zakaria, Mohammad Saifullah Mohd. Yusof dan Mohamed Sabri Esa.

Zulfawwaz pada sidang akhbar di sini semalam berkata, pasukannya mengetengahkan produk dikenali tepung bambusia yang merupakan bahan campuran dalam formulasi menghasilkan makanan.

Katanya, tepung bambusia itu digunakan untuk membuat roti, pasta dan biskut.

Turut hadir Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Mustafa Mohd. Hanefah.